



---

## **STATEMENT (For Corporate Website & MILO Website)**

### **MILO Tiruan**

Nestlé Malaysia sedia maklum bahawa berita tentang aktiviti pengeluaran pembungkusan MILO tiruan serta serbuk MILO tiruan yang telah dikesan oleh pihak berkuasa kini disebarikan dalam WhatsApp. Kami ingin menjelaskan bahawa perkara ini merupakan kejadian yang telah dilaporkan pada tahun 2015. Kami telah memberi kerjasama penuh kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan yang telah mengambil tindakan sewajarnya terhadap pihak yang terlibat dan perkara tersebut telah diselesaikan.

Kami ingin memberi jaminan kepada para pengguna bahawa Nestlé sentiasa komited untuk menawarkan produk berkualiti yang terbaik. Bagi Nestlé, isu keselamatan dan kualiti produk kami adalah keutamaan yang tidak akan diabaikan sama sekali. Kami mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk melindungi orang awam daripada pengusaha haram yang terlibat dalam jenayah menghasilkan, mengedar dan/atau menjual produk tiruan Nestlé.

Pengguna yang mempunyai sebarang pertanyaan berhubung dengan perkara ini dinasihatkan untuk menghubungi Pusat Khidmat Pengguna Nestlé di 1-800-88-3433.

---

### **NESTLÉ (MALAYSIA) BERHAD**

(Company No. 110925-W)

GROUP CORPORATE AFFAIRS DEPARTMENT

22-1, 22<sup>ND</sup> FLOOR, MENARA SURIAN, NO.1 JALAN PJU 7/3, MUTIARA DAMANSARA,

47810 PETALING JAYA, SELANGOR, MALAYSIA

TEL: 03-7965 6000 FAX: 03-7965 6767 WEBSITE: [www.nestle.com.my](http://www.nestle.com.my)